

HARI : SABTU
TARIKH : 10/8/2019
M/SURAT : 4A

RON97 turun 5 sen, RON95, diesel kekal

Putrajaya: Harga runcit petrol RON97 turun 5 sen pada harga RM2.49 seliter manakala RON95 dan diesel kekal masing-masing pada paras RM2.08 seliter dan RM2.18 seliter berkuat kuasa tengah malam tadi. Kementerian Kewangan dalam kenyataan media, semalam berkata, harga bahan api berkenaan ditetapkan bagi tempoh 10 hingga 16 Ogos ini berdasarkan penetapan harga runcit produk petroleum secara mingguan menggunakan formula Mekanisme Harga Automatik.

